

MAHATHIR - SUKAN

KUCHING, 27 JULAI (BERNAMA) -- MALAYSIA HARUS MENUNJUKKAN KEPADA DUNIA BAHAWA RAKYATNYA YANG BERBILANG KAUM MAMPU MENYATUKAN DIRI SEBAGAI BANGSA MALAYSIA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

KATANYA, AMATLAH SUKAR BAGI SESEBUAH NEGARA YANG BERBILANG KAUM UNTUK MENENTUKAN IDENTITI BANGSANYA TETAPI MALAYSIA TELAH BERJAYA MEMBUATKAN APA YANG TIDAK DAPAT DILAKUKAN OLEH BANYAK NEGARA LAIN.

+SEBAB ITU KITA BOLEH MENEPUK BELAKANG KITA SENDIRI KERANA KEJAYAAN ITU,+ KATANYA SEMASA MENUTUP SUKAN MALAYSIA (SUKMA) KETIGA DI STADIUM NEGERI DI SINI.

MENURUTNYA, MALAYSIA IALAH SEBUAH NEGARA BERBILANG KAUM YANG BERJAYA DAN DIIKTIRAF OLEH SELURUH DUNIA.

KATANYA, SUKAN BUKAN SAHAJA MENJADI TEMPAT UNTUK MENCUNGKIL BAKAT-BAKAT BARU TETAPI JUGA TEMPAT MENEMUKAN DAN MENYATUPADUKAN RAKYAT DARI SEMUA PELUSUK NEGERI. -- LAGI.

2247MST 27 07 90

D410

U B205 BAH
MAHATHIR - SUKAN 2 KUCHING

PERDANA MENTERI BANGGA DENGAN KEJAYAAN SUKMA KALI INI YANG BEGITU CEMERLANG DAN GEMILANG SERTA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA MEREKA YANG BERTUNGKUS LUMUS MENJAYAKANNYA, TERMASUK KAKITANGAN KERAJAAN, MEDIA MASSA, RAKYAT DAN KERAJAAN SARAWAK.

BELIAU JUGA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA ATLET YANG BERJAYA, TERMASUK PASUKAN TUANRUMAH YANG MENGGONDOL 44 PINGAT EMAS MANAKALA YANG KALAH PULA HENDAKLAH MENCUBA LAGI PADA SUKAN-SUKAN AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SOKONGAN BESAR YANG DIBERIKAN OLEH PENDUDUK NEGERI INI KEPADA SUKMA TERUTAMA SEBAGAI PENONTON ADALAH SATU REKOD SUKAN TANAHAIR, MALAH SAMBUTAN TERHADAP SUKAN SEA TAHUN LEPAS DI KUALA LUMPUR TIDAK SEPERTI DI SARAWAK.

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD YANG TURUT BERUCAP PADA MAJLIS ITU MENGISYTIHARKAN HARI ISNIN SEBAGAI HARI CUTI UMUM BAGI SARAWAK KERANA KEJAYAAN NEGERI ITU MENGADAKAN SUKMA.

KATANYA, KEJAYAAN SUKMA IALAH JUGA KERANA KERJASAMA YANG DIBERIKAN OLEH NEGERI-NEGERI LAIN DAN INI MENUNJUKKAN NEGARA BOLEH BERGERAK SENADA DALAM HAL SEPERTI INI TERUTAMA DALAM MENGGERAKKAN RAKYAT MALAYSIA. -- LAGI.

2318MST 27 07 90

D411

U B206 BAH
MAHATHIR - SUKAN 3 KUCHING

MENURUTNYA, SUKMA TELAH MENUNJUKKAN ANAK-ANAK SARAWAK SETANDING DENGAN PENDUDUK DI NEGERI-NEGERI LAIN DAN MEREKA MEMANG INGIN BERBAIK-BAIK DAN BERMUHIBAH DENGAN SELURUH RAKYAT MALAYSIA.

MENTERI BELIA DAN SUKAN, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK BERKATA, ADA EMPAT FAKTOR YANG MENYEBABKAN SUKMA KETIGA YANG PALING BAIK DAN BERJAYA, IAITU KERANA KEMESRAAN TUANRUMAH DAN RAKYATNYA, ACARA PERASMIAN DAN PENUTUPAN YANG GEMILANG DAN WARNA WARNI, MUTU DAN PRESTASI AHLI SUKAN YANG MENINGKAT DENGAN 38 REKOD DICATATKAN DAN PUBLISITI YANG MELUAS OLEH MEDIA MASSA.

KATANYA, SUKMA KETIGA AKAN MEMBUKA TIRAI KEPADA KEMAJUAN SUKAN NEGARA DALAM DEKAD AKAN DATANG. -- BERNAMA.

2319MST 27 07 90